

■ Ibu tunggal alami tekanan darah tinggi, masalah jantung, buah pinggang bermasalah tabah jaga bapa lumpuh

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Langat

Biar pun tahap kesihatannya sendiri semakin merosot, Yuslina Yunus, 38, langsung tidak berasa terbeban kerana terpaksa menjaga bapanya yang lumpuh sejak setahun lalu selain turut menghidap masalah buah pinggang.

Menurut ibu tunggal itu, dia mengalami tekanan darah tinggi, masalah jantung selain kedua-dua buah pinggangnya bermasalah, namun penyakit tiga serangkai itu bukan penghalang baginya untuk

Abai derita demi abah



FAKTA
Yunus disahkan lumpuh selepas terjatuh dalam kejadian di rumah pada Mac tahun lalu

YUSLINA menjaga bapanya yang lumpuh di Pangsapuri Impian, Bandar Saujana Putra.

terus menjaga bapanya, Yunus Yut, 71.

Katanya, Yunus disahkan lumpuh selepas terjatuh dalam kejadian di rumah mereka pada Mac tahun lalu menyebabkan warga emas itu kini terlantar.

"Insya-Allah, selagi tubuh ini terdaya, biarlah ayah bersama saya, tak tergamak pula nak hantar dia ke rumah kebajikan sedangkan saya masih ada. Sekarang giliran saya pula menjaga ayah.

"Ibu sudah lama meninggal dunia dan sejak itu ayah ting-

gal bersama saya. Meskipun menghidap masalah buah pinggang, dia boleh melakukan urusan harian dengan sendiri, namun keadaannya semakin serius selepas terjatuh," katanya ketika ditemui di kediamannya di Rumah Pangsa Impian, Bandar Sau-

jana Putra di sini, kelmarin.

Yuslina berkata, dua anak lelakinya, Ahmad Danial Haziq Mawizam, 9, dan Ahmad Danial Harraz, 7, kerap membantu menguruskan datuk mereka, sekali gus meringankan bebannya.

"Setiap hari saya lap se-

turuh badan ayah menggunakan tuala basah, beri makan dan minum. Kalau saya ditahan di wad, Ahmad Danial Haziq dan Ahmad Danial Harraz akan jaga datuk mereka," katanya.

Menceritakan mengenai dirinya, Yuslina berkata, dia perlu menjalani dialisis tiga kali seminggu di Pusat Dialisis Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di Shah Alam, selain rawatan susulan di Hospital Serdang, sebulan sekali.

"Dulu saya ambil upah mengasuh anak jiran dengan bayaran RM700 sebulan, tapi akibat masalah kesihatan saya sudah tidak boleh buat kerja berat.

"Tahap kesihatan saya tidak menentu berikutan itu saya hanya bertawakal kepada Allah agar sentiasa dikuatkan semangat untuk meneruskan hidup demi ayah dan dua anak.

"Memang menjadi harapan saya untuk mendapatkan buah pinggang baru, tapi sedar bukan mudah dan perlu tunggu lama untuk mencari penderma sesuai," katanya yang turut menerima bantuan bulanan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).